

28/09/2003

40 kapal perang sertai pameran Lima

LANGKAWI: Sebanyak 90 kapal termasuk 40 kapal perang dari 17 negara akan dipamerkan sepanjang Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi 2003 (Lima `03), di pulau pelancongan ini.

Segmen maritim yang diadakan di Awana Porto Malai kali ini menyaksikan penyertaan terbanyak kapal dan bot, iaitu 90 berbanding 72 kapal dan bot pada Lima, dua tahun lalu.

Dua negara baru yang menyertai segmen maritim itu adalah Arab Saudi dan Korea Selatan selain penyertaan muka lama seperti Britain, Jerman, Itali, Perancis dan Russia.

Pengarah Eksekutif HW Lima Sdn Bhd, Felix Thai Kong Meng, berkata 210 syarikat mengesahkan penyertaan dalam segmen maritim yang bermula, Selasa ini.

Katanya, selain kapal perang Tentera Laut Diraja Malaysia serta tentera laut negara asing, 50 bot peronda pelbagai agensi dari dalam dan luar negara akan berlabuh di perairan Awana Porto Malai sepanjang Lima yang berakhir Ahad depan.

Beliau berkata kebanyakan kapal itu akan tiba hari ini dan esok. HW Lima adalah syarikat penganjur bagi segmen maritim.

Mengenai persiapan, beliau berkata, segalanya berjalan lancar dengan pekerja sedang melakukan persiapan terakhir bagi memastikan kelancarannya.

"Kita menjangkakan 18,000 pelawat awam dan 12,000 pelawat perdagangan mengunjungi segmen maritim ini," katanya.

Lima kali ini akan dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Selasa ini dan empat hari pertama pameran dikhususkan untuk pelawat perdagangan, manakala dua hari terakhir dibuka kepada orang ramai.